

GAGASAN ‘AL-MUALLIM AR-RABBANI’ MENURUT SYEIKH ISMAIL LUTFI AL-FATONI

Suraiya Chapakiya
Universiti Fatoni, Thailand
suraiyachapakiya@tu.ac.th

Published: 27 April 2024

To cite this article (APA): Chapakiya, S. (2024). Gagasan ‘Al-Muallim Ar-Rabbani’ menurut Syeikh Ismail Lutfi Al-Fatoni. *Firdaus Journal*, 4(1), 44–50. <https://doi.org/10.37134/firdaus.vol4.1.5.2024>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/firdaus.vol4.1.5.2024>

Abstrak

Tujuan makalah ini adalah untuk memaparkan Dasar Pendidikan Para Rasul, Manhaj At-Tarbiyah An-Nabawiyah, Al-Muallim Ar Rabbani: Sifat dan Tanggungjawab, Al Mu'allim Ar Rabbani: Tugas Pentadbir dalam Melahirkan Madrasati Jannati, dan 10 Wasiat Untuk Al-Mu'allim Ar-Rabbani. Secara keseluruhannya, gagasan 'Muallim Rabbani' yang dibawa oleh Syeikh Ismail Lutfi al-Fatoni merupakan usaha mendidik manusia menurut didikan Islam dengan ilmu dan ibadat yang benar berdasarkan Al-Quran dan As-Sunnah.

Kata kunci: *Gagasan, Al-Muallim, Ar-Rabbani, Syeikh Ismail Lutfi al-Fatoni*

PENDAHULUAN

Berikut adalah kupasan risalah Sheikh Ismail Lutfi Al-Fatoni bertajuk “Muallim Rabbani Teras Ummah Wahidah” (2014), sebuah gagasan idea yang berpandukan Al-Quran dan As-Sunnah yang sedang diusaha dan diterapkan di Institusi pendidikan Islam di Thailand. Penulis ingin manfaatkan ilmu beliau berkaitan Al-Muallim Ar-Rabbani. Syeikh Ismail Lutfi Al-Fatoni. Beliau memulakan tulisan dengan makna Muallim iaitu, seorang pemberi ilmu, guru, pendidik, pengajar, pensyarah, pemberitahu tentang ilmu, 'alim ulama yang menyebarkan ilmu dan sebagainya. Manakala Ar-Rabbani yang dibangsakan kepada ketuhanan Ar-Rabb, iaitu orang yang alim dengan ilmu ajaran Allah serta beramal dengannya. Dengan itu "Al-Mu'allim Ar-Rabbani" merupakan guru atau pendidik berdasarkan ajaran Islam dengan ilmu dan amal yang benar.

Dasar Pendidikan Para Rasul

Dasar pendidikan para Rasulullah 'Alaihimussolatu Wassalam ialah (فَاتَّقُوا اللَّهَ وَأطِيعُونَ). Mengenai hal itu ikutilah penerangan Allah di dalam al-Quranul Karim mengenai dakwah para Nabi Allah seperti Nuh, Hud, Soleh, Luth, Syu'ib dan lain-lain 'Alaihimussolatu Wassalam. Dengan firmanNya, bermaksudnya: "Sesungguhnya aku adalah Rasulullah yang dipercayai yang diutuskan untuk kamu, maka bertaqwalah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepadaku".

Dasar pentadbiran Rasulullah S.A.W di antara hak Allah dan hak Al-Ibad (hamba-Nya) iaitu: pertama, "فَاتَّقُوا اللَّهَ مَا كَانُوا فِي أَنْتُمْ" maka bertaqwalah kepada Allah (takut hanya kepada Allah); kedua, "وَأَطِيعُونَ" dan taatlah kepadaku (patuh kepada pemimpin). Dalam hal ini, mesti faham akan perbezaan antara taqwa (tulisan Arab) dan taat (tulisan Arab). Ingatlah bahawa antara sunnatullah dan sunnah Rasulullah SAW di sudut pentadbiran ialah, taat kepada (nota: adakah sebagai?) hamba berdasarkan taqwa kepada Allah.

Manhaj At-Tarbiyah An-Nabawiyah

Manhaj tarbiyah Rasulullah SAW yang merangkumi, pertama, membaca Al-Quran kepada umatnya; kedua, mendidik umat dengan menyuruh mereka itu berbuat baik dan melarang berbuat jahat supaya bersih fikiran, hati dan ibadat mereka daripada kekotoran jahiliyah, kejahatan syirik dan kesesatan bid'ah; dan, ketiga, mengajarkan umat akan al-Kitab dan al-Hikmah atau Al-Quran dan As-Sunnah.

Ketiga-tiga manhaj itu berjalan dengan beraksi kepada dua mata pelajaran pokok, iaitu Al-Kitab atau Al-Quran dan, Al-Hikmah atau As-Sunnah, yang mengeluarkan umatnya dari az-Zulumat kepada an-Nur, yakni dari gelap-gelita jahiliyah kepada cahaya nur al-Islam. Firman Allah dalam Surah al-Jumu'ah, ayat 2:

وَإِنْ كَانُوا مِنْ قَبْلُ لَفِي ضَرَرٍ لِلِّمْبُونِ (٢)

Maksudnya: "Dan sesungguhnya mereka sebelum (kedatangan Nabi Muhammad dengan risalah al-Quran) itu adalah dalam kesesatan yang nyata".

Al-Muallim Ar Rabbani: Sifat dan Tanggungjawab

"Al-Mu'allim Ar-Rabbani" adalah warasatul Anbiya' atau warisan Rasulullah SAW, maka sudah tentu cirinya bersifat yang dimiliki oleh Rasulullah SAW. Sifat-sifat itu merangkumi:

1. Faham dan Sentiasa Menambah Fahaman (فهم دان سنتیاس منبه دان تغقو غجواب)

Faham di sini, merujuk kepada, faham ilmu-ilmu Al-Kitab dan As-Sunnah menurut penerangan ulamak as-Salafus Soleh yang meliputi ilmu-ilmu aqidah, ibadat, mu'amalat dan lain-lain dalam membentuk hayata taiyyibah "حياة طيبة". Manakala, selaku guru atau pensyarah dalam bidang ilmu tertentu, mesti faham ilmu dalam bidang yang diajar kepada para pelajar. Dan paling penting, sentiasa berusaha menambah ilmu-ilmu tersebut melalui belajar, membaca, mengkaji, menulis dan menyertai kursus-kursus, seminar-seminar. Semua itu termasuk dalam tugas asasi bagi Rasulullah saw iaitu "Iqra" dan yakni bacalah.

2. Beramal (برعمل)

Beramal dengan ilmu-ilmu wahyu yang dapat membentuk syaksiah Islamiah dan hayat thaiyyibah pada diri dan keluarga serta memberi manfaat yang sebaik-baiknya kepada umat manusia terutama pelajarnya. Jelas, beramal adalah rahsia bagi kekuatan dalam menjayakan tugasnya selaku "Al-Mu'allim Ar-Rabbani." Hal ini dapat dilihat menerusi firman Allah Taala mengenai perintah Allah supaya Rasulullah SAW tetap melazimi wahyu Allah, Surah Al-An'am: 106.

“اطبِّعْ مَا أُوحِيَ إِلَيْكَ مِنْ رَبِّكَ”

Maksudnya: "Ikutlah apa yang diwahyukan kepadamu (wahai Muhammad) dari Tuhanmu."

3. Taqwa dan Khasyah (تقوى دان خشیة)

Bertaqwa kepada Allah sifat utama seorang "Al-Mu'allim Ar-Rabbani". Firman Allah dalam Surah Fathir, ayat 28.

"إِنَّمَا يَخْشَى اللَّهَ مِنْ عِبَادِ الْعُلَمَاءِ"

Maksudnya: "Sesungguhnya yang benar-benar takutkan Allah dari kalangan hamba-hambanya hanya para ulamak (yakni orang-orang yang berilmu yang beramal dengan ilmunya)".

Berkata Ibnu Mas'ud Radhiyallahu 'Anhu, "Bukanlah ilmu itu dikira dari banyaknya meriwayatkan hadis, akan tetapi ilmu itu ialah kerana banyaknya khasyiah (takutkan Allah), kerana apa yang dipelajari dari ilmu itu."

4. Siddiq (صدق)

Siddiq bermaksud benar, lawannya kazib iaitu dusta. Setiap "al-Mu'allim ar-Rabbani" hendaklah ia bersifat dengan sifat "siddiq" yang dinamakan "sadiq" yakni yang benar dan tidak berdusta, iaitu; membenarkan hatinya dalam menerima ajaran Allah dalam al Quran; membenarkan hatinya dalam menerima pelaksanaan Rasulullah saw akan al-Quran yang dinamakan "as-Sunnah" ; membenarkan hatinya dalam menjalankan hidup beragama menurut al-Quran dan as-Sunnah. Benar hatinya dalam menyampaikan ajaran al-Quran dan as-Sunnah kepada yang lain.

5. Amanah (أمانة)

Amanah bermaksud jujur lagi dipercayai, lawannya "khianat" yakni mengkhianati dan merosakkan. Sifat ini menghidupkan perasaan di jiwa bahawa semua ilmu di dada adalah dari kurniaan Allah dan ilmu yang dikurniakan oleh Allah itu adalah suatu amanah yang wajib disampaikan kepada angkatan seterusnya dengan cara yang cukup amanah, baik disudut kebenaran ilmu, disudut kesungguhan hati mahupun disudut betul cara dalam menyampainya. Firman Allah dalam surah Al-Anfal, ayat 27.

يَأَيُّهُمُ الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَحْوِنُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ وَتَحْوِنُوا أَمَّا نَتَكُمْ وَأَنَّمُّ تَعْلَمُونَ (٢٧)

Maksudnya: "Wahai orang-orang yang beriman janganlah kamu mengkhianati Allah dan Rasul dan janganlah kamu mengkhianati amanah yang dipercayakan kepadamu sedang kamu mengetahuinya."

6. Tabligh (تبليغ)

Tabligh bermaksud menyampai risalah, lawannya "kithman" iaitu menyembunyi ajaran Allah dan Rasul-Nya, terutama sewaktu diminta ilmu pengetahuannya. Sifat umum para pelajar adalah seolah-olah mereka sering meminta ilmu-ilmu yang benar dari para gurunya. Maka berkewajipan ke atas "al-Mu'allim ar-Rabbani" menyampaikan ilmu-ilmu yang diajarkan itu.

7. Fathanah (فطانة)

Fathanah bermaksud cerdas atau cerdik, lawannya "baladah" "sa" iaitu bodoh atau jahil. Fathanah adalah sifat penting seorang Rasulullah saw kerana baginda adalah dipilih oleh Allah Taala menjadi Nabi lagi Rasul yang memiliki sifat dengan sifat-sifat kesempurnaan.

8. Berakhlaq Mulia (بِرَأْخَلَقِ مُولِيَا)

Memiliki budi pekerti yang selaras dengan ajaran Allah dan sunnah Rasul-Nya kerana akhlak yang mulia adalah kesan iman dan buah kepada ilmu yang benar. Dengan akhlak yang mulia, ia akan memberi kesan dalam menjayakan urusan ta'lim dan tarbiyah. Baik dari segi tutur kata; seperti salam, doa dan nasihat. Begitu juga dari segi gerak-geri seperti senyum manis, lemahlembut mahupun disegi pakaian yang tertutup aurat dan hebat menurut al-Islam. Allah berfirman mengenai akhlak Nabi-Nya Muhammad SAW:

Firman Allah dalam surah Al-Qalam, ayat 4.

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ حُلُقٍ عَظِيمٍ

Maksudnya: "Dan sesungguhnya engkau mempunyai budi pekerti yang sangat-sangat mulia."

9. Sabar dan Tenang (صَبْرٌ دَانٌ تَنْعُّمٌ)

Sabar adalah senjata utama bagi "al-Mu'allim ar-Rabbani" kerana tanpa kesabaran segala kerja tidak mungkin berjaya, apalagi kerja ta'lim dan tarbiyah yang tujuannya untuk membina manusia, mesti berdepan dengan pelajar-pelajar yang beraneka ragam akhlak dan berlainan tabi'atnya. Sabar adalah pancaran cahaya yang sentiasa menyuluh jalan kejayaan, apalagi cahaya sabar itu padam maka gelaplah jalan kejayaan yang menyebabkan seseorang itu meraba raba tidak tentu arah. Sabda Rasulullah saw, maksudnya: "Sabar itu adalah pancaran cahaya."¹

10. Penyayang, Mesra dan Bertanggungjawab (فَپاییغ، مسرا دان برتغخو غجواب)

Firman Allah dalam Surah at-Taubah, ayat 128.

Maksudnya: "Demi sesungguhnya telah datang kepada kamu seorang Rasulullah dari golongan kamu sendiri (iaitu Muhammad S.A.W.) yang menjadi hatinya sangat keberatan atau susah dengan sebarang kesusahan yang ditanggung oleh kamu, yang sangat inginkan kebaikan bagimu, (dan) ia pula belas kasihan serta penyayang terhadap orang-orang yang beriman."

Ayat-ayat Allah itu jelas menunjukkan sifat-sifat Rasullullah SAW turut bersifat penyayang, mesra, dan bertanggungjawab serta memuliakan para sahabatnya, yang mesti menjadi ikutan para al Mu'allim Ar Rabbani. Sifat penyayang yang lemah lembut ini bukan sampai membiarkan segala kesalahan berlaku tanpa peduli dan tegur nasihat secara hikmah dan beradab. Contohnya, tanamkanlah perasaan keayahan atau keibuanan terhadap pelajar-pelajar, dan anggap mereka sebagai anak-anak, serta tanamkan perasaan adik beradik di antara sesama mereka, seolah-olah sebuah keluarga besar, yang dengan itu akan lahirlah perasaan rahmah, lemah-lembut dan kasih mesra dan bertanggungjawab di antara satu sama lain.

Al Mu'allim Ar Rabbani: Tugas Pentadbir dalam Melahirkan Madrasati Jannati

Al Mu'allim Ar Rabbani bersifat dengan sifat penyayang, masuuliyyah dan kasih mesra itu melahirkan beberapa peranan, khususnya kepada para mudir atau pentadbir sekolah atau jami'ah. Tugas yang digariskan adalah:

¹ Hadis Sahih Al Bukhari, hlm 3461

1.Bertanggungjawab Terhadap Guru dan Pelajar

Sabda Rasulullah saw, maksudnya: "Setiap kamu adalah penjaga dan setiap kamu adalah bertanggungjawab mengenai orang yang dibawah jagaannya (rakyatnya)."²

2.Memuliakan Para Guru dan Berusaha Mengangkatkan Taraf Mereka

Guru dalam kacamata Islam adalah sangat mulia. Sabda Rasulullah saw:Maksudnya: "Sesungguhnya Allah dan para Malaikat dan ahli langit dan bumi-bumi sehingga semut di dalam sarangnya dan ikan didalam air semuanya berdoa baik kepada para guru yang mengajar manusia akan kebaikan (yakni ilmu yang berguna)."³

3.Memuliakan Pelajar Dan Mendidik Mereka Dengan Lemah-lembut

Maksud hadis⁴ aku datang kepada Nabi Muhammad SAW, padahal baginda sedang menyandar di atas selendangnya yang merah di dalam masjid, maka aku berkata kepadanya: Wahai Rasulullah! Sesungguhnya aku datang untuk menuntut ilmu. Baginda menjawab: Marhaban Bi Thalibil Ilmi, yakni aku mengalu-alukan ketibaanmu wahai penuntut ilmu, sesungguhnya penuntut ilmu tetap diselubungi akan dia oleh para Malaikat dengan sayap-sayapnya secara bersusun-susun oleh setengah akan setengah yang lain sehingga sampai ke langit dunia, kerana mereka kasihkan ilmu yang dituntut.

4.Menggunakan Manhaj Yang Benar Yang Mengandungi Ilmu-ilmu Yang Manfaat

Tidak keraguan lagi bahawa ilmu yang sebenar ialah ilmu wahyu yang datang dari Allah melalui Rasulullah saw yang disampaikan melalui al-Kitab dan as-Sunnah. Ilmu wahyu yang terkandung di dalam al-Quran dan as-Sunnah adalah mencakupi semua bidang keperluan hidup manusia dunia dan akhirat, cuma sesetengah bidang diterangkan oleh kedua-duanya secara lengkap, manakala sesetengah yang lain pula menyentuh secara asas sahaja, tidak dihuraikan panjang.

Masalah aqidah, syariat dan nilai akhlak mulia adalah cukup dengan hanya penerangan wahyu yang sekadar ditambah terangkan oleh ulamak ilmu wahyu. Adapun ilmu Allah yang menyentuh masalah pengaturan kebendaan dan dunia maka sesetengahnya didatangkan sekadar asas, manakala cabang dahannya diserah kepada fikiran hamba hamba berdasarkan sunnatullah menurut perhatian dan tajriyah atau percubaan mereka, sekalipun orang-orang kafir. Firman Allah dalam Surah al-ala, ayat 5.

Maksudnya: "Allah mengajarkan manusia (mukmin dan kafir) akan perkara yang ia belum mengetahui."

² Muttafaq Alaih, Al Bukhari hlm 2409, Muslim hlm 1829

³ Hadis at-Tirmizi hlm 2685, Sahih al-Jami' 1838

⁴ Rawahu Ahmad Wa Thabrani BI Isnadu Jayyid, Wa Lafzhu laju, at-Targhib, at-Targhib 95.

10 Wasiat Untuk Al-Mu'allim Ar-Rabbani

Wasiat dan nasihat adalah dasar agama yang membentuk manusia yang soleh, baik dan jujur, terutama para untuk "Al-Mu'allim Ar Rabbani". Berikut adalah nasihat, untuk dijadikan pedoman hidup.

1. Hendaklah sentiasa ingat bahawa setiap orang yang menjadi guru adalah pada asalnya berada di maqam "Al-Mu'allim ar Rabbani" dan berpangkat "Ulamak Warasatul Anbiyak" yang selalu ikhlas dan berkhasyiah hanya kepada Allah dan berqudwah kepada Rasulullah saw dalam semua urusan, serta menghidupkan syiar "Hayati Jannati" yakni "Hidupku Adalah Syurgaku" iaitu, 'Aku mesti berusaha supaya hidupku tidak tergelincir dari as-Sunnah yang menjadi jalan menuju Syurga.'
2. Hidupkan program tarbiyah nabawiyah yang mengandungi dua pelajaran asasi: al-Kitab dan as-Sunnah, melalui tiga program nabawiyah iaitu: tilawah, ta'limul Quran dan as-Sunnah dan tazkiyah fikiran, jiwa dan ibadat manusia di madrasah masing-masing. Di samping ilmu-ilmu lain yang bermanfaat dalam membentuk syaksiah "Al-Mu'allim ArRabbani" kepada para guru dan sistem pendidikan dalam rangka menjayakan usaha iqamatuddin.
3. Hendaklah sentiasa ingat bahawa setiap ilmu yang diajar di sekolah, pondok, di masjid dan jami'ah adalah agama yang memberi kesan dalam mencorak hidup seorang pelajar. Oleh itu berhati-hatilah terhadap ilmu yang diajar supaya tidak bercanggah dengan ajaran al-Quran dan as-Sunnah menurut fahaman ulamak as Salafus Soleh. Dan supaya tidak keluar dari tujuan "tarbiyah nabawiyah" yang melahirkan "ar-Rabbaniyyin" menurut pengertiannya yang sebenar yang selaku teras "Ummatau Wahidah".
4. Hendaklah berusaha sedaya upaya mentarbiyah para pelajar dengan cara berdisiplin, lemah-lembut dan kasih mesra serta membentuk perasaan kekeluargaan yang mesra di antara keluarga madrasah, pondok dan jami'ah serta jauhilah cara kasar dalam bermu'amalat apatah lagi menggunakan kekerasan.
5. Hendaklah sentiasa berusaha menambahkan ilmu terutama yang berhubung dengan alQuran dan as-Sunnah serta bidang-bidang ilmiah dan pentadbiran yang berkenaan, agar benar-benar segala urusan dilaksanakan berdasarkan jiwa yang bersih, ilmu yang jelas dan terkini serta manhaj yang benar dan sesuai dengan zaman, kerana sekolah, pondok dan jami'ah adalah merupakan gedung ilmu yang berkewajipan mengatasi segala bentuk kejahilan dan kesesatan pada zamannya.
6. Hidupkanlah halaqah al-Quran dan dakwah Islamiyah juga amar ma'ruf dan nahi munkar, sekurang-kurangnya di dalam lingkungan tanggungjawab madrasah, pondok dan jami'ah berdasarkan manhaj nabawi, serta usaha mewujudkan dan memajukan ikatan kesatuan pelajar dan para lulusan dengan ruh ukhuwah Islamiyah dan ta'awun 'alal birr wat taqwa syll terutama di bidang tarbiyah dan ta'lim.
7. Hendaklah sentiasa banyak berzikir kepada Allah, terutama harian al-Quran (al-Wirdu al-Quraani) sekadar satu juzuk sehari, "azkar nabawiyah" pagi dan petang dan selalu berdoa dengan doa-doaa ma'thurat yang mustajab. Dan hidupkanlah hubungan dengan Allah disetiap masa dan tempat, terutama pada waktu malam melalui ibadat qiyamullail, munajat Allah, beristighfar,

- bertaubat, menangis, berdoa dan beribtilah kepada Allah yang tunggal untuk kejayaan diri sendiri, keluarga dan orang-orang yang dibawah tanggungjawab madrasah, atau pondok atau jami'ah serta kemajuan umat Islam seluruhnya.
8. Hidupkan peraturan dan disiplin bagi sekolah atau jami'ah juga kegiatan melalui program yang baik seperti halaqatul Quran dan as-Sunnah, untuk setiap pentadbir, para guru, kakitangan dan pelajar.
 9. Bagi para mudir, hendaklah sentiasa memuliakan guru-guru dan pelajar-pelajar yang dimuliakan Allah sekelian serta berusaha mengangkatkan taraf mereka dan menjagakan maslahat-maslahat mereka serta menghargai masa mereka di samping berusaha mengangkatkan kualiti madrasah, pondok atau jami'ah supaya sampai ke peringkat yang dapat digelarkan dengan "Madrasati Jannati" yakni "Sekolahku adalah Syurgaku atau perisaiku" atau "Jaami'ati Jannati" yakni "Universitiku adalah Syurgaku atau perisaiku".
 10. Hendaklah sentiasa bersilaturrahim dan berta'awun 'alal birr wat taqwa dengan semua pihak yang berkenaan dari badan badan kerajaan dan swasta secara jaringan kerjasama seperti Persatuan Sekolah Jaringan Bistari As-Salam. Juga auliyak umur para pelajar dan jiran tetangga, terutama para pimpinan, dalam rangka memajukan usaha tarbiyah dan ta'lim kita, juga umum usaha "iqamatuddin" yang bermanhaj "ummatu wasatha" dalam bentuk kesatuan "ummatau wahidah" demi menuju ke peringkat "khaira ummah", samada di peringkat tempatan, di rantau nusantara ini mahupun alam sejagat.

Kesimpulan

Kesimpulan, gagasan 'Muallim Rabbani' yang dibawa oleh Syeikh Dr Ismail Lutfi merupakan usaha mendidik manusia menurut didikan Islam dengan ilmu dan ibadat yang benar berdasarkan Al-Quran dan As-Sunnah. Tujuan makalah ini adalah untuk memaparkan Dasar Pendidikan Para Rasul, Manhaj At-Tarbiyah An-Nabawiyah, Al-Muallim Ar Rabbani: Sifat dan Tanggungjawab, Al Mu'allim Ar Rabbani: Tugas Pentadbir dalam Melahirkan Madrasati Jannati, dan 10 Wasiat Untuk Al-Mu'allim Ar-Rabbani.

Rujukan

- Ismail Lutfi Al-Fatoni. (2014). *Muallim Rabbani Teras UmmahWahidah*. Pattani: Universiti Fatoni.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (1983). *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian AlQuran*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.